

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 14/3/2012 |

Pustaka mudah capai tarik minat membaca

POLEMIK yang menunjukkan permasalahan tabiat membaca dan penurunan penerbitan buku negara memerlukan perhatian khusus oleh semua pihak. Sama ada kerajaan, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mahupun penerbit, perlu memandang serius perkara ini kerana tabiat membaca dan penerbitan bahan buku melambangkan sikap dan ketamadunan sesuatu bangsa dan negara.

Walaupun ketika ini dikatakan masyarakat Malaysia secara purata membaca lapan hingga 12 buku setahun berdasarkan kajian PNM, bagaimanapun kajian itu secara keseluruhannya tidak dapat menggambarkan keadaan sebenar tabiat membaca masyarakat Malaysia.

Masalah ini berlaku kerana pada asasnya masyarakat di luar bandar terutamanya dan di kawasan pedalaman tidak mendapat akses sepenuhnya kepada kemudahan pembacaan. Tambahan pula dengan keadaan kehidupan yang sederhana dan kurang sempurna menyebabkan masyarakat luar bandar tidak mengangap membaca dan membeli buku satu keperluan. Kehidupan mereka lebih tertumpu kepada keperluan asas seperti makanan dan pakaian serta tempat tinggal yang menjadikan keperluan terhadap buku dan pembacaan bukan sesuatu yang mesti dipenuhi.

Selain masyarakat luar bandar, masyarakat bandar juga dilihat agak kurang tertarik dengan bahan bacaan dan perpustakaan kerana mereka juga perlu terlebih dulu memenuhi keperluan asas untuk hidup dan keluar daripada kesukaran kehidupan di bandar. Masyarakat di Malaysia kebanyakannya tidak memasukkan perbelanjaan membeli buku dalam belanjawan mereka kecuali buku yang terpaksa dibeli untuk persekolahan anak saja.

Justeru, bagi menggalak dan meningkatkan lagi tahap pembacaan masyarakat yang pastinya juga se-



KEMPEN galakan membaca mesti diperhebatkan dengan mengadakan kempen kesedaran dan galakan yang lebih agresif dan besar-besaran.

cara tidak langsung boleh menyumbang kepada peningkatan penerbitan buku, pihak kerajaan, penerbit dan perpustakaan negara perlu memainkan peranan yang lebih agresif bagi meningkatkan keupayaan dalam kedua-dua perkara itu.

Kempen galakan membaca mestilah diperhebatkan dengan mengadakan kempen kesedaran dan galakan yang lebih agresif dan besar-besaran. Seperti iklan jualan hebat sepanjang tahun di media massa yang menggalakkan masyarakat berbelanja, kempen yang agresif seperti itu juga mesti dilaksanakan setiap hari supaya masyarakat ditanam dalam pemikiran mereka mengenai pentingnya budaya membaca dalam kehidupan mereka.

Di samping itu, pihak penerbit juga seboleh yang mungkin perlu berusaha mengurangkan kos penerbitan supaya harga buku dapat dikurangkan. Mungkin dengan

penggabungan syarikat penerbitan dapat mengurangkan kos penerbitan bagi menjadikan harga buku lebih murah dan mampu dibeli. Harga buku yang rendah boleh menjadi penyumbang kepada minat untuk membeli dan membaca buku di kalangan masyarakat. Memang ramai anggota masyarakat yang teringin membeli buku tetapi kebanyakan mereka terpaksa membatalkan hasrat itu kerana melihat harga buku yang agak mahal.

Penerbit dan pengedar juga perlu menyediakan pakej istimewa untuk pembelian buku bagi menarik lebih ramai orang membeli buku. Jika pakej istimewa ini kena dengan pembelinya dan berupaya memenuhi keperluan pembaca tadi, ia bukan saja membolehkan penerbit dan pengedar mendapat jualan yang tinggi malah berupaya mewujudkan golongan pembeli setia kepada pener-

PEMBACA yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

bhforum@bharian.com.my

bit dan pengedar terbabit.

Selain itu, pihak penerbit perlu memberikan insentif lebih menarik kepada penulis dengan menawarkan royalti lebih tinggi dan memberikan beberapa keistimewaan lain bagi menggalakkan penulis terus menghasilkan karya lebih baik pada masa depan. Di samping itu, pihak penerbit juga mesti melakukan pemasaran yang lebih agresif supaya maklumat mengenai penerbit baru ini sentiasa sampai kepada masyarakat dan menarik minat mereka untuk membeli dan membaca buku itu.

Bagi pihak perpustakaan pula, tidak kira sama ada PNM, akademik, orang awam, khusus ataupun pusat sumber sekolah mereka juga mesti bertindak agresif bagi mempopularkan perpustakaan sebagai tempat menimba ilmu. Perpustakaan mesti memikirkan dan melaksanakan strategi lebih berkesan untuk menarik minat masyarakat membaca. Perpustakaan mesti dilihat sebagai gedung ilmu dan pustakawan sebagai seorang yang 'tahu semua' bagi menarik minat masyarakat berkunjung ke perpustakaan. Akses kepada perpustakaan juga perlu dipermudahkan dengan mengurangkan kerenah birokrasi, menyediakan kemudahan dan membuka ruang yang seluas-luasnya kepada masyarakat bagi merangsang minat mereka untuk berkunjung ke perpustakaan.

HAFIZ RADZI,
Sungai Petani, Kedah.